

# Banjir lumpur landa 7 kampung

Limpahan Sungai Nerok punca mukim Temelong ditenggelami air

Oleh Mohd Rashidi Yusuf  
bhnews@bharian.com.my

**L**ENGGONG: Sepuluh keluarga terpaksa dipindahkan selepas tujuh kampung dilanda banjir lumpur membabitkan hampir 100 rumah, sebuah masjid dan lebih 20 premis, malam kelmarin.

Kampung Banggol Batu dan Taman Kota Tampan dalam mukim Temelong paling teruk ditenggelami air dengan hampir 70 penduduknya dipindahkan ke surau Taman Kota Tampan, manakala sebahagian lagi menumpang di rumah saudara mara.

Banjir lumpur akibat limpahan air Sungai Nerok mulai jam 8.30 malam itu turut

melanda Masjid Kampung Banggol Batu dan tujuh premis kedai, iaitu kedai runcit, bengkel motosikal, kedai pakaian dan kedai makan.

Seorang peniaga, Khalid Yusof, 41, terpaksa menggunakan lori jiran untuk memunggah barang dari dalam kedai seperti beras, gula dan pelbagai barang lain termasuk peti ais apabila air masuk ke kedainya.

"Sebaik jiran memberitahu air mulai masuk ke dalam kedai, saya bergegas ke kedai menyelamatkan barang. Dengan pertolongan jiran, peti air dan barang lain dapat diselamatkan," katanya.

Khalid berkata, dia berna-sib baik apabila air yang naik kira-kira 0.4 meter mulai surut



**KHALID menunjukkan kedainya yang dinaiki air di Taman Kota Tampan, Lenggong.**

jam 11 malam dan dia tidak mengalami kerugian besar.

Pemilik bengkel motosikal di Taman Kota Tampan, Badri Othman, 40, pula berkata, dia kerugian kira-kira RM20,000 apabila sebuah mesin kompresor dan tiga motosikal ditenggelami air.

Katanya, mesin berkenaan tidak sempat diselamatkan kerana dia sibuk mengemas barang di rumah di Banggol Batu yang juga dilanda banjir.

Seorang peniaga makanan,

Mohd Yusri Jacob, 36, pula terpaksa menutup perniagaan sekurang-kurangnya dua hari kerana kedainya dipenuhi lumpur.

Sementara itu, tiga seke-luarga di Kampung Banggol Batu, bernasib baik dapat menyelamatkan barang penting di dalam rumah sebelum berpindah ke rumah saudara di kampung sama.

Ketua keluarga, Mohd Mizi Abdul Rani, 28, berkata ketika hujan lebat sejak jam 6 petang,

dia, adiknya, Mohd Radzi, 26, dan ibunya Hasnah Abdullah, 64, bergegas memunggah barang penting termasuk barang elektrik ke tingkat atas rumah.

"Air naik separas 1.5 meter di dalam rumah dan walaupun semua barang sempat diselamatkan, kami tiga beranak terpaksa berpindah bimbang kalau-kalau air naik lagi," katanya.

Mohd Mizi berkata, banjir kali ini adalah yang ketiga

melanda rumah mereka pada tahun ini dan kali kedua selepas Aidilfitri lalu.

Pekan Lenggong juga dilanda banjir dengan kira-kira 10 premis kedai termasuk sebuah kedai motosikal dan kedai mesin jahit dimasuki air, manakala di Kampung Sumpitan, 40 buah rumah dan dua kedai dilanda banjir lumpur mulai 11 malam akibat limpahan air Sungai Temelong tetapi tiada mangsa dipindahkan.